

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA PERSIDANGAN MEDIA MASSA 2005**  
**ANJURAN KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI**  
**DI HOTEL MARRIOT, PUTRAJAYA,**  
**15 JULAI 2005**

-----

YB MENTERI-MENTERI

YB TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI

TUAN YANG TERUTAMA DUTA-DUTA DAN PESURUHJAYA-PESURUHJAYA TINGGI ASEAN

SAUDARA SAUDARI SEKALIAN.

ASSALAMUALAIKUM WARAH MATULLAHIWABAROKATUH DAN SELAMAT SEJAHTERA.

1. ALHAMDULLILAH SAYA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T. DI ATAS LIMPAN KURNIAANNYA DAPAT KITA SAMA-SAMA BERKUMPUL PADA PAGI INI. SAYA AMAT BERBESAR HATI UNTUK BERADA DI SINI DAN BERTEMU DENGAN SAUDARA SAUDARI SEKALIAN. SAYA JUGA INGIN MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN TOKOH-TOKOH ILMUAN DAN WAKIL-WAKIL DARIPADA BEBERAPA PEJABAT PERWAKILAN ASIA NEGARA-NEGARA ASEAN, PEJABAT PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU DI KUALA LUMPUR SERTA WAKIL-WAKIL PENERBITAN ANTARABANGSA DARI LUAR NEGARA YANG TURUT HADIR DI MAJLIS PADA PAGI INI.

2. SAYA PERCAYA PERSIDANGAN MEDIA MASSA 2005 INI DAPAT MENJADI SATU FORUM PENEMUANAN FIKIRAN DAN PERCAMPAHAN MINDA DI KALANGAN PIHAK KERAJAAN DENGAN PENGAMAL-PENGAMAL MEDIA. BAGI SAYA, SENDIRI, SAYA YAKIN DENGAN KEKUATAN MEDIA MASSA DALAM MENYEBARKAN MAKLUMAT DEMI PEMBANGUNAN SESEBUAH NEGARA DAN MASYARAKAT. TANPA MEDIA MASSA, ADALAH SUKAR BAGI MANA-MANA NEGARA UNTUK MEMBENTUK MASYARAKATNYA SEBAGAI SEBUAH MASYARAKAT YANG BERILMU PENGETAHUAN.

SAUDARA SAUDARI SEKALIAN,

3. PERKEMBANGAN PESAT RANGKAIAN TELEKOMUNIKASI GLOBAL DAN LEDAKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT MASA KINI AMAT KETARA DIRASAI SETELAH DUNIA MELANGKAH MASUK KE DALAM ABAD BARU INI. FENOMENA GLOBALISASI TELAH MENDEDAHKAN MASYARAKAT ANTARABANGSA KEPADA SUATU REVOLUSI MAKLUMAT YANG MELANGKAUI SEMPADAN SEHINGGA MAMPU MENGUBAH DAN MENCORAK SISTEM PENTADBIRAN DUNIA DAN BUDAYA MASYARAKAT GLOBAL. DI SETIAP ORGANISASI BAIK PEJABAT PERDAGANGAN ATAU INSTITUSI-INSTITUSI ILMIAH, KESEMUANYA KINI DILENGKAPI DENGAN PELBAGAI RANGKAIAN KOMUNIKASI. DITAMBAH PULA DENGAN INDUSTRI MEDIA CETAK DAN ELETRONIK YANG KIAN BERKEMBANG, MEDIA MASSA MENJADI PELENGKAP KEPADA RANGKAIAN KOMUNIKASI HARI INI. MALAH, INTERNET JUGA SUDAH DIIKTIRAF SEBAGAI SATU SUMBER PENTING DALAM PENGUMPULAN DAN PENYEBARAN MAKLUMAT.

4. PADA MASA YANG SAMA, TIDAK ADA SESIAPA YANG DAPAT MENAFIKAN KUASA YANG ADA KEPADA MEDIA MASSA SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI SOSIAL YANG

MENJADI PENGHUBUNG ANTARA PEMERINTAH DAN RAKYAT. KUASA MEDIA MASSA SESUNGGUHNYA AMAT BESAR TERUTAMA DALAM MEMBENTUK PEMIKIRAN SESEBUAH MASYARAKAT. SAMA ADA ANDA SETUJU ATAU TIDAK, SAYA BERPENDAPAT BAHAWA SETIAP DARIPADA KEHIDUPAN KITA DIBELENGGU OLEH KESAN BAGAIMANA SESEBUAH ORGANISASI TERUTAMA ORGANISASI AWAM MENGENDALIKAN MAKLUMAT. BAGAIMANA SESEBUAH ORGANISASI MENGELOLA MAKLUMAT MENJADI FAKTOR GENTING DALAM MENENTUKAN KECEKAPAN DAN KEWIBAWAAN INSTITUSI MEREKA.

5. PERSOALAN YANG MUNGKIN ANDA BOLEH BINCANGKAN SECARA MENDALAM PADA PERSIDANGAN INI ADALAH BAGAIMANA SESEBUAH ORGANISASI ITU TERUTAMA BAGI KERAJAAN DAN AGENSI-AGENSINYA, MENGGUNAKAN ELEMEN KOMUNIKASI DALAM MENYAMPAIKAN MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN KEPADA MEDIA MASSA?

6. PADA PANDANGAN SAYA, DALAM SUASANA NEGARA MENUJU KE ARAH KEMODENAN, KITA HENDAKLAH MEMPUNYAI JALINAN KERJASAMA YANG BAIK ANTARA KERAJAAN DENGAN MEDIA MASSA. PASUKAN KOMUNIKASI YANG WUJUD DI AGENSI-AGENSI KERAJAAN HENDAKLAH LEBIH CEKAP DALAM MENGENDALIKAN MAKLUMAT YANG INGIN DISAMPAIKAN. KITA HENDAKLAH HADAPI APA JUA PERSOALAN BERKAITAN ORGANISASI KITA, AGAR PELANGGAN KITA IAITU RAKYAT DAPAT MENIKMATI PERKHIDMATAN YANG LEBIH BAIK.

7. MEMANG SUKAR BAGI MANA-MANA ORGANISASI AWAM UNTUK MENCORAKKAN MESEJ YANG INGIN DISAMPAIKAN TETAPI KITA KENA MELIHAT BAHAWA JALINAN KOMUNIKASI YANG BAIK HENDAKLAH MERANGKUMI SEMUA ASPEK KEHIDUPAN TIDAK KIRA DARI SEGI EKONOMI, POLITIK ATAU BUDAYA MASYAKARAT. JANGANLAH KITA TERLALU TAKUT ATAU CEPAT MELENTING APABILA MEDIA MASSA MELAPORKAN SESUATU YANG TIDAK POSITIF MENGENAI ORGANISASI KITA. APA YANG KITA PERLU LAKUKAN ADALAH, MEMBERI PENJELASAN YANG BETUL DAN TEPAT AGAR RAKYAT DAPAT MEMAHAMI APA JUA MASALAH YANG MUNGKIN TIMBUL.

SAUDARA SAUDARI SEKALIAN,

8. ALHAMDULLILAH, KITA KINI HIDUP DALAM SUASANA YANG BEBAS DAN AMAN, DI MANA MASYARAKAT RATA-RATA MEMPUNYAI HAK UNTUK MEMILIH. KITA MEMPUNYAI PELUANG UNTUK MEMILIH APA JUGA BENTUK MAKLUMAT YANG KITA INGINI. MAKA TIDAK HAIRANLAH, JIKA MEDIA ADA KALANYA DIJADIKAN SEBAGAI CERMIN KEPADA SESEBUAH MASYARAKAT DAN NEGARA. KITA DAPAT MENYELAMI HATI BUDI RAKYAT ATAU SISTEM SOSIO-EKONOMINYA DENGAN MENILAI KANDUNGAN MEDIA MASSA SESEBUAH NEGARA ITU.

9. SEHUBUNGAN ITU, KERAJAAN SEDAR AKAN KEPERLUAN PIHAK MEDIA UNTUK Mencari KUMPULAN SASARANNYA DALAM MENGHASILKAN APA JUGA BENTUK PRODUK, BAIK SURATKHABAR ATAU PROGRAM DI KACA TELEVISYEN. KERAJAAN JUGA MEMAHAMI AKAN PERSAINGAN HEBAT YANG WUJUD DALAM INDUSTRI INI. SETIAP MEDIA KINI BERLUMBA-LUMBA UNTUK Mencari SESUATU KELAINAN HANYA UNTUK MENARIK PERHATIAN MASYARAKAT UMUM DAN PEMBACA. SEMEMANGNYA, PERSAINGAN BEGINI MENUNJUKKAN BETAPA INDUSTRI MEDIA MASSA TELAH BERKEMBANG PESAT SETARAF DENGAN PEMBANGUNAN NEGARA.

10. JIKA DILIHAT KEPADA PERKEMBANGAN INDUSTRI MEDIA CETAK TEMPATAN

SAHAJA, JUMLAH PENERBITAN BARU KIAN MENINGKAT DI PASARAN. SEBAGAI CONTOH, TERDAPAT 31 SURATKHABAR HARIAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA, LAPAN SURATKHABAR HARIAN DI SABAH DAN 11 SURATKHABAR HARIAN DI SARAWAK. BERDASARKAN BAHASA PENGANTAR, DARIPADA JUMLAH INI, 12 ADALAH DALAM BAHASA MALAYSIA, 13 DALAM BAHASA INGGERIS, 22 DALAM BAHASA CINA DAN TIGA DALAM BAHASA TAMIL. KESAN GLOBALISASI JUGA MEMBERI KESAN TERHADAP PENINGKATAN DRASTIK DI DALAM KEMASUKAN PENERBITAN LUAR NEGERI YANG DIREKODKAN DI PINTU-PINTU MASUK UTAMA DI SELURUH NEGARA. SEBAGAI CONTOH, DARIPADA BULAN JANUARI KE BULAN MEI 2005, KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI TELAH MEMERIKSA SEJUMLAH 1.24 JUTA TAJUK PENERBITAN ASING YANG MERANGKUMI LEBIH KURANG 70.1 JUTA NASKHAH. DARIPADA JUMLAH INI, PENERBITAN-PENERBITAN UTAMA TERMASUKLAH SURATKHABAR, MAJALAH, KOMIK DAN NOVEL.

11. BAGAIMANAPUN, ADALAH AMAT MENDUKACITAKAN APABILA PERSAINGAN INI TELAH MENYEBABKAN ADA PIHAK YANG MULA MENGABAIKAN TANGGUNGJAWABNYA KEPADA MASYARAKAT HANYA SEMATA-MATA UNTUK MENGAUT KEUNTUNGAN. ADA PIHAK KINI DENGAN SEWENANG-WENANGNYA MENULIS PELBAGAI FITNAH ATAU DAKWAAN YANG TIDAK BERASAS MENGENAI SESIAPA JUGA YANG MUNGKIN TIDAK DISENANGINYA. MEREKA JUGA YANG KONONNYA MENGUTAMAKAN KEBEBASAN YANG DILAUNGKAN SEBAGAI "FREEDOM OF PRESS", MENULIS UNTUK KEPUASAN PERIBADI. DI MANAKAH LETAKNYA INTEGRITI SESEORANG PENULIS JIKA TULISAN YANG CUBA DIPAPARKAN BUKAN BERTUJUAN UNTUK MENDIDIK MASYARAKAT TETAPI SEKADAR MERACUNI FIKIRAN ORANG RAMAI DENGAN PELBAGAI DAKYAHNYA?.

12. KADANG KALA, SAYA JUGA MERASA KECEWA KERANA PERSAINGAN DALAM INDUSTRI MEDIA INI TURUT MENDORONG KEPADA USAHA MENSENSASIKAN SESUATU BERITA. SAYA SERING PERHATIKAN, ADA MASANYA SURAT KHABAR SERING GEMAR MEMAPARKAN TAJUK BERITA YANG MENGGEMPARKAN TETAPI APABILA KITA MEMBACA KESELURUHAN BERITA BERKENAAN, CERITANYA TIDAKLAH SEBEGITU. SEBENARNYA, BUKAN HASRAT SESIAPA UNTUK MENYEKAT SALURAN MAKLUMAT, TIDAK KIRA BERITA BAIK ATAU BURUK, BAGI PAPARAN MASYARAKAT. NAMUN, MAKLUMAT YANG DISIARKAN INI MESTILAH BERDASARKAN FAKTA YANG TEPAT. INGATLAH BAHAWA KEBEBASAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB HANYA AKAN MENCETUSKAN KEBINASAAN KEPADA MASYARAKAT DAN SETERUSNYA NEGARA.

LADIES AND GENTLEMEN,

13. WORDS ON THE PRINTED PAGE AND IMAGES PROJECTED ON THE SCREEN PROBABLY DO MORE THAN ANYTHING ELSE TO SHAPE THE PUBLIC'S IDEAS AND PERCEPTIONS ABOUT THE WORLD AND THE ISSUES OF THE DAY. THIS POWER HAS BEEN AMPLIFIED BY THE ADVANCES IN TECHNOLOGY AND THE INCREASING PROLIFERATION OF MEDIA ORGANISATIONS. MALAYSIANS ARE NOW SPOILT FOR CHOICE. DOMESTICALLY, THERE HAS PROBABLY NEVER BEEN A MORE DIVERSE ARRAY OF NEWSPAPERS, PUBLICATIONS, RADIO AND TELEVISION STATIONS FROM WHICH TO CHOOSE. SATELLITE TELEVISION NOW BRINGS NEWS FROM AROUND THE WORLD INTO OUR LIVING ROOMS – 24 HOURS A DAY, 7 DAYS A WEEK, ALL YEAR AROUND. INTERNATIONAL NEWSPAPERS THAT PROVIDE A GLOBAL PERSPECTIVE ARE FREELY AVAILABLE IN THE COUNTRY. AND IF ONE IS LOOKING FOR SPECIALIST, NICHE INFORMATION – LIKE I SAID EARLIER, THERE IS ALWAYS THE INTERNET.

14. THE NEWS CYCLE IN THE CURRENT AGE IS INSTANTANEOUS AND CONTINUOUS. A TRIUMPH OR A TRAGEDY IS TRANSMITTED IN REAL TIME TO A WORLD WIDE AUDIENCE. THIS ATMOSPHERE BREEDS COMPETITION AND UNDERSTANDABLY, MEDIA ORGANISATIONS WILL CONSTANTLY SEEK A SCOOP OR AN EDGE THAT WILL ENABLE THE HUNGRY PUBLIC TO DISTINGUISH IT FROM ITS RIVALS. AFTER ALL, MANY OF THESE ORGANISATIONS ARE BUSINESSES AND THE UNDERLYING MOTIVATION FOR BUSINESSES IS TO GENERATE PROFITS.

15. AS A POLICY MAKER, I WOULD PROVIDE A CAVEAT TO THIS RELENTLESS RACE TO SELL MORE COPIES AND ATTRACT MORE VIEWERS AND LISTENERS. I HOPE THAT THE MEDIA SERIOUSLY TAKES INTO ACCOUNT ITS RESPONSIBILITY TO PROVIDE NEWS FAIRLY AND ACCURATELY. RECENT EVENTS AROUND THE WORLD HAVE SHOWN THAT JOURNALISM THAT IS BASED ON FALSEHOODS OR UNRELIABLE SOURCES HAS A SERIOUS AND FAR REACHING CONSEQUENCES. WARS HAVE BEEN STARTED BASED ON FAULTY INFORMATION THAT THE MEDIA HAS SPREAD, UNWITTINGLY OR OTHERWISE.

16. ULTIMATELY, THE CREDIBILITY OF THE MEDIA ITSELF WILL BE JEOPARDISED AND IF PEOPLE DO NOT TRUST THE MAINSTREAM MEDIA, THEY WILL TURN TO ALTERNATIVE OUTLETS TO GET THE NEWS . THIS MAY NOT BE A DESIRABLE THING, GIVEN THAT MANY OF THESE ALTERNATIVE SOURCES DO NOT BOTHER TO UPHOLD THE HIGH STANDARDS THAT REPUTABLE ORGANISATIONS TRY TO MAINTAIN. IT IS INDEED A WORRYING THOUGHT IF THE GENERAL PUBLIC RELIES ON SOURCES THAT ARE MORE INTERESTED IN SPREADING RUMOUR AND INNUENDO RATHER THAN ACTING AS PROPER CONVEYORS OF INFORMATION.

17. MALAYSIA IS ESPECIALLY SENSITIVE TO THIS. WE ARE A DEVELOPING COUNTRY AND WE WANT THE MEDIA TO BE FREE TO PLAY AN IMPORTANT AND CONSTRUCTIVE ROLE IN NATION BUILDING. WE ARE ALSO A MULTI-RACIAL NATION, THAT PRIZES PEACE AND STABILITY ABOVE ALL ELSE. IT IS THIS PEACE AND STABILITY THAT HAS BEEN THE BEDROCK OF THE MALAYSIAN SUCCESS STORY AND ALLOWED US TO DEVELOP AS QUICKLY AS WE HAVE DONE. WE HAVE ACHIEVED THIS BALANCE BY OBSERVING EACH OTHERS' SENSITIVITIES AND ACTING WITH RESTRAINT AND MODERATION. WE HAVE HAD BRIEF GLIMPSES OF THE RUIN AND ANARCHY THAT CAN BEFALL OUR COUNTRY SHOULD THIS DELICATE BALANCE BE DESTROYED AND I BELIEVE THAT MOST MALAYSIANS WOULD PREFER TO PRESERVE AN ENVIRONMENT THAT ENCOURAGES GROWTH AND PROSPERITY.

LADIES AND GENTLEMEN,

18. I UNDERSTAND THAT THERE WILL BE A SERIES OF PANEL PRESENTATIONS AND DIALOGUE SESSIONS DURING THE CONFERENCE TOUCHING UPON THE ROLES AND RESPONSIBILITIES OF THE GOVERNMENT AND THE MEDIA, AND THEIR CONTRIBUTIONS TO SOCIETY. I AM CONFIDENT THAT THE ENSUING DELIBERATIONS WILL ENRICH US ALL AND PROVIDE A VALUABLE PLATFORM TO PURSUE OUR CONCERNS AND INTERESTS IN SUBSEQUENT FORA.

19. LASTLY, MY GOVERNMENT IS COMMITTED TO FOSTERING POSITIVE RELATIONSHIP AND UNDERSTANDING BETWEEN THE GOVERNMENT AND THE MEDIA. IT IS WITH THIS SENSE OF HOPE AND ENCOURAGEMENT THAT I AM PROUD TO DECLARE OFFICIALLY OPEN THE MASS MEDIA CONFERENCE 2005.

THANK YOU